

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

Masalah kemiskinan tidak boleh selesa 'satu malam'

Masalah kemiskinan tidak boleh selesa 'satu malam'

PETALING JAYA: Usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan tidak boleh diselesaikan 'satu malam' dan menerusi sistem Pangkalan Data Utama (PADU) kumpulan tersebut boleh dibantu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penganalisis ekonomi, Mohd. Afifi Abdul Razak berkata, usaha tersebut perlu dilakukan berterusan selain kerajaan perlu mengikut kumpulan itu secara dekat.

"Ketika ini, kadar kemiskinan tegar di negara ini tidak banyak bergerak kerana pelbagai faktor,"

katanya.

Menurut beliau, data eKasih mencatatkan penurunan dengan jumlah isi rumah miskin tegar adalah 102,888 Ketua Isi Rumah (KIR) setakat 31 Oktober tahun lalu berbanding 126,556 pada Januari 2023.

Selain itu, kata Afifi, masalah kemiskinan tidak boleh diselesaikan hanya 'satu malam' selain kerajaan memerlukan lebih masa untuk memastikan dasar-dasar berkaitan yang diputuskan menampakkan kesan.

Beliau berkata, sistem PADU boleh membantu kerajaan dalam mengurus usaha untuk membasmi kemiskinan, tetapi mungkin sukar untuk mencapai sepenuhnya.

"PADU berupaya memperkemas pelaksanaan pemberian bantuan kerajaan dengan lebih meluas dan menyeluruh, menyediakan gabungan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah, mampu menyalurkan data secara terperinci mengenai bantuan yang diterima oleh rakyat.

"PADU juga boleh mengenal

pasti ketirisan sekali gus menambah baik pelaksanaan sistem subsidi kepada golongan sasaran," katanya.

Dalam pada itu, penganalisis ekonomi, Prof. Madya Dr. Shazida Jan Mohd Khan berkata, program yang dibentuk perlulah dilaksanakan secara berterusan.

Jelasnya, langkah itu bagi memastikan mereka bukan sahaja mampu keluar dari kemiskinan tegar tetapi mampu beranjak dan bertahap ke suatu tahap yang lebih baik dari segi pendapatan isi rumah.

Dalam pada itu, penganalisis ekonomi, Prof. Emeritus Dr. Barjojay Bardal, kemiskinan tegar tidak boleh dihapuskan dengan pemberian rahmah atau bantuan semata-mata.

Katanya, ia perlu diikuti dengan memperkenalkan projek berdaya maju kepada isi rumah yang dianggap miskin tegar.

Jelas beliau, kehadiran sistem PADU akan membantu kerajaan untuk membasmi kemiskinan berdasarkan data yang menyasarkan golongan sewajarnya.